

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kesihatan mental, literasi bantuan kehidupan dan kualiti hidup serta menilai hubungan antara kesihatan mental dengan literasi bantuan keluarga, hubungan antara kesihatan mental dengan kualiti hidup serta hubungan antara literasi bantuan kehidupan dengan kualiti hidup dalam kalangan penjaga warga emas di rumah. Pendekatan kuantitatif reka bentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Dengan itu, soal selidik disediakan dalam bentuk pautan *Google Form* dan diedarkan melalui aplikasi *Whatsapps* dan *Facebook* kepada responden yang terpilih melalui kaedah persampelan secara bertujuan dan sebanyak 153 sampel lengkap diterima. Sampel kajian terdiri daripada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penjaga warga emas dari seluruh Malaysia. Tiga jenis instrumen digunakan iaitu Kesihatan Umum-12, *Singapore Caregiver Quality Of Life Scale* dan Literasi Bantuan Kehidupan. Data dianalisis dengan kaedah deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan bahawa penjaga warga emas di rumah mencapai tahap distres tinggi, tahap literasi bantuan kehidupan tinggi dan tahap kualiti hidup sederhana dalam kehidupan. Manakala analisis kolerasi Pearson digunakan untuk mengukur hubungan dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Hasil dapatan inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif antara pemboleh ubah Kesihatan Mental dengan Literasi Bantuan Kehidupan ($r = -0.169, p = 0.037$), terdapat hubungan yang signifikan negatif antara pemboleh ubah Kesihatan Mental dengan Kualiti Hidup ($r = -0.694, p < 0.001$) serta terdapat hubungan signifikan negatif antara pemboleh ubah Literasi Bantuan Kehidupan dan Kualiti Hidup ($r = -0.219, p = 0.007$). Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa majoriti penjaga berada pada tahap kesihatan mental distres tinggi, domain kefungsiian sosial mempunyai hubungan positif dengan tahap Kesihatan Mental Penjaga. Domain Pengalaman dan Makna hidup mempunyai hubungan positif dalam penentuan kualiti hidup seseorang penjaga. Literasi Bantuan Kehidupan dalam bentuk material mencapai tahap tinggi. Justeru, Literasi Bantuan Kehidupan dalam bentuk bimbingan dan kaunseling memerlukan penelitian dalam usaha membaiki tahap kesihatan mental penjaga supaya meningkatkan kesejahteraan hidup antara penjaga dan warga emas dijaga di rumah.